

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 4 FEBRUARI 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

---

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1541-MQT3069

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan Malaysia terhadap perang perdagangan dunia yang dicetuskan oleh pelaksanaan tarif oleh Presiden Amerika Syarikat dan adakah Malaysia akan berdiri bersama negara China, Kanada dan Mexico serta apakah langkah kewangan dan fiskal untuk melindungi ekonomi dan rakyat Malaysia daripada kesan tarif ini.

2. PR-1541-MQT3070

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar sedia ada iaitu penghasilan 70% beras tempatan dan pengimportan 30% beras luar untuk kegunaan rakyat di negara ini agar industri padi kekal utuh dan lestari selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 4 FEBRUARI 2025, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1541-L27814  
**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :
  - (a) bagaimana Kementerian mengorientasikan semula dasar R&D untuk menggalakkan inovasi agensi Kerajaan dan syarikat swasta dengan sokongan universiti; dan
  - (b) langkah diambil untuk menambah baik fungsi institusi penyelidikan Kerajaan bagi memudahkan pemindahan teknologi global dan menyokong syarikat tempatan dalam memanfaatkan teknologi untuk inovasi.
2. PR-1541-L28604  
**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [ Larut ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimana selaku Pengurus ASEAN Malaysia akan mengimbangi hubungan ASEAN bersama BRICS dengan mengambil kira ancaman ekonomi oleh Amerika Syarikat di bawah kepimpinan Presiden Trump.
3. PR-1541-L28612  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pindaan kepada Akta Pemberi Maklumat 2010. Nyatakan garis masa untuk rang undang-undang tersebut dibentangkan di Parlimen.

## 4. PR-1541-L28983

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan Kementerian untuk menangani isu keciran pelajar, terutama di kawasan pedalaman dan golongan B40 yang menghadapi cabaran dalam pembelajaran.

## 5. PR-1541-L29128

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan tindakan terkini Malaysia untuk pembebasan Palestin dan tindakan usul penyingkiran negara haram Israel daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

## 6. PR-1541-L28147

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengadakan Program Latihan Khidmat Negara 3.0 (PLKN) di Sarawak dan apakah kriteria pemilihan pelatih serta apakah modul latihan yang akan digunakan.

## 7. PR-1541-L27735

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan pelan terkini KUSKOP terhadap pembangunan Dasar Pembangunan Usahawan Francais Nasional 2030 untuk memperkasa ekosistem keusahawanan francais termasuk pemasaran ekosistem francais melalui aspek tadbir urus industri francais serta jumlah inisiatif pembiayaan dan latihan yang telah disalurkan kepada usahawan francais.

## 8. PR-1541-L27813

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan bagaimana Kementerian menangani isu pekerja asing dalam sektor perladangan, termasuk langkah-langkah yang diambil untuk memastikan hak-hak pekerja dilindungi, meningkatkan syarat-syarat pekerjaan dan menggalakkan penggunaan tenaga kerja tempatan dalam sektor ini.

## 9. PR-1541-L27779

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah tindakan advokasi telah dijalankan oleh pihak KPM bagi menangani masalah ketagihan rokok elektronik dalam kalangan pelajar sekolah di sebalik kewujudan vape jenis *magic mushroom*.

10. PR-1541-L29032  
**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Wilayah Persekutuan untuk memperbaiki pengurusan sampah dan mengatasi masalah pembuangan sampah haram di kawasan-kawasan tumpuan pelancong dan pusat bandar termasuk kawasan perparitan.
11. PR-1541-L28350  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan perkembangan terkini tujuh keberhasilan utama Pejabat Kecerdasan Buatan Kebangsaan (NAIO) seperti Pelan Tindakan Teknologi AI, Kod Etika AI dan sebagainya.
12. PR-1541-L29159  
**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih banyak pelancong yang berbelanja tinggi ke Malaysia.
13. PR-1541-L29058  
**Dato' Khlijir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan inisiatif Kementerian Pertahanan untuk memperkasakan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) supaya dapat memudahkan penyaluran bantuan kepada warga veteran ATM.
14. PR-1541-L28014  
**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status pembinaan Stesen Satelit Bumi yang telah diluluskan pada tahun 2016 dengan peruntukan RM27.5 juta untuk dibina di kawasan Kampung Laya-Laya Tuaran. Bilakah akan dilaksanakan, mengapa kelewatan pelaksanaannya berlaku dan bilakah ia dijangka siap.
15. PR-1541-L28627  
**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme Kementerian dalam menangani kes ketidakhadiran lebih 10,000 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2024 dan kesan jika pindaan Akta Pendidikan 1996 bagi mewajibkan pendidikan sehingga peringkat sekolah menengah diluluskan tahun ini.

## 16. PR-1541-L29117

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini Memorandum Persefahaman (MoU) pada 25 November 2010, Bandaraya Berkembar Kuala Lumpur-Chennai dengan hasrat untuk memperkuuh hubungan dan meningkatkan kerjasama di antara dua bandar raya tersebut. Kerajaan Malaysia diwakili oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan India diwakili oleh Corporation of Chennai.

## 17. PR-1541-L27702

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan impak pertumbuhan ekonomi yang dijangkakan akan diperoleh selepas pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2026 bagi suku tahun pertama 2025.

## 18. PR-1541-L28476

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk bekerjasama dengan platform dalam talian seperti Airbnb, Agoda dan Booking.com bagi mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

## 19. PR-1541-L27757

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan tambahan untuk pemulihan sekolah daif di Sabah untuk 2025 dan langkah-langkah khusus Kementerian untuk meningkatkan tahap dan prestasi pendidikan serta keputusan peperiksaan oleh pelajar-pelajar di Sabah sambil mengurangkan kadar pelajar yang gagal menduduki peperiksaan walaupun telah didaftarkan.

## 20. PR-1541-L28445

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk menjadikan Tasik Pedu sebagai destinasi pilihan dalam Tahun Melawat Malaysia 2026.

## 21. PR-1541-L27973

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menarik pelancong tempatan berkunjung ke tempat-tempat menarik di negeri-negeri bersempadan sebelum mereka menyeberangi Thailand untuk melancong.

22. PR-1541-L27602

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) bilangan atau jumlah penjawat awam berbangsa India dalam perkhidmatan awam sekarang; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak warganegara Malaysia yang bukan Melayu untuk menyertai perkhidmatan awam.

23. PR-1541-L29028

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa lamakah tempoh yang diberikan kepada Jawatankuasa Perancangan Strategik Pencapaian Penandaarasan Antarabangsa (JPSPPA) untuk merancang dan memantau intervensi yang lebih berstruktur dalam menangani trend penurunan keputusan kajian penandaarasan antarabangsa seperti PISA 2022 dan TIMSS 2023.

24. PR-1541-L27613

**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam sebagai murabbi ekoran pelaksanaan medium P&P secara tidak bersemuka kepada pelaksanaan medium P&P yang lebih kepada medium e-Pembelajaran.

25. PR-1541-L27985

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan manfaat-manfaat yang bakal diperoleh negara setelah menyertai Kesatuan Ekonomi BRICS (Brazil, Rusia, India, China dan Afrika Selatan) sebagai negara rakan baharu dan apakah cabaran-cabaran yang dikenakan terhadap Malaysia diatas keputusan tersebut.

26. PR-1541-L28643

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) berapa jumlah diperuntukkan Kementerian untuk mempromosi dan menggalakkan pelancongan di setiap negeri pada 2024 dan 2025; dan
- (b) statistik kemasukan pelancong dari lima negara yang mencatat jumlah tertinggi.

27. PR-1541-L27730

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini SPRM terhadap pengurusan HRD Corp sebagaimana disarankan oleh Laporan Ketua Audit Negara yang menyarankan tindakan penguatkuasaan. Adakah kes-kes tersebut telah diklasifikasikan sebagai NFA (*no further action*).

28. PR-1541-L27950

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian dapat memastikan komuniti-komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan dan terpinggir, termasuk golongan B40 dan penduduk luar bandar, boleh mendapat manfaat daripada inisiatif ekonomi digital serta pelaburan-pelaburan digital.

29. PR-1541-L27733

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan terkini usahawan wanita bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Apa inisiatif Kementerian melalui agensi-agensi dalam membantu usahawan wanita dari segi pembiayaan, bimbingan dan khidmat nasihat serta berapa peratus sumbangan usahawan wanita kepada KDNK negara sehingga tahun 2024.

30. PR-1541-L28038

**Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :

- (a) kesan kemenangan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat terhadap kedudukan Malaysia sebagai rakan negara BRICS dan ahli ASEAN; dan
- (b) bagaimana Kerajaan akan menyesuaikan dasar luar negara bagi menjaga kepentingan strategik serantau dan global.

31. PR-1541-L29178

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah pembinaan projek cadangan pembinaan Kompleks Pendidikan Khas Taiping di Mukim Simpang, Taiping, Perak dimulakan setelah pemurnian Makmal Kejuruteraan Nilai (Value Engineering - VE) selesai dijalankan pada 12 hingga 15 November 2024 yang lalu.

32. PR-1541-L28878

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan persempadanan semula kawasan pilihan raya sebelum Pilihan Raya Umum Ke-16 diadakan.

33. PR-1541-L28186

**Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan [ Sri Gading ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status pelaksanaan Program Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi membangunkan infrastruktur fiber optik di 73 kem atau pangkalan tentera dan 59,420 pintu Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM99 juta.

34. PR-1541-L29179

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan dana TEKUN yang disalurkan kepada usahawan Melayu di kawasan Parlimen Bukit Gantang bagi tahun 2024 secara terperinci dan usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk membantu usahawan Melayu Bukit Gantang.

35. PR-1541-L28345

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sebab-musabab sasaran 2024 dengan 27.3 juta pelancong gagal dicapai dan pelan tindakan yang telah dirangka demi memastikan sasaran 2025 dengan 31.4 juta pelancong dan sasaran Tahun Melawat Malaysia 2026 dengan 35.6 juta pelancong dan perbelanjaan pelancongan sebanyak RM147.1 bilion tercapai.

36. PR-1541-L28056

**Ir. Ts. Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah pelajar yang mengikuti aliran TVET menerusi kolej vokasional 5 tahun ke belakang; dan
- (b) apakah rancangan serta garis masa untuk meningkatkan pembelajaran subjek TVET di peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK).

37. PR-1541-L27778

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kajian terperinci telah dijalankan oleh pihak Kementerian terhadap pelaksanaan *single entry exam* bagi lepasan STPM dan lepasan matrikulasi untuk melanjutkan pelajaran ke IPT serta apakah implikasi jangka pendek dan panjang yang terlibat.

38. PR-1541-L27764

**Datuk Matbali bin Musah [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mengatasi masalah kuarters guru yang telah usang dan tidak selesa untuk didiami oleh para guru di kawasan pedalaman Sipitang yang melibatkan 3 buah sekolah iaitu SK Long Pasia (18 orang guru), SK Meligan (16 orang guru) dan SK Ulu Bole (11 orang guru).

39. PR-1541-L28366

**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia membenarkan waris pelajar yang dibuli merotan pembuli di kalangan pelajar dalam perhimpunan pagi di sekolah.

40. PR-1541-L27642

**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha proaktif Kementerian dalam mencari punca ketidakhadiran lebih 10,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia 2023 dan adakah terdapat sebarang cadangan untuk mengenakan tindakan kepada sekolah yang mencatatkan rekod ketidakhadiran pelajar yang tinggi ini.

41. PR-1541-L27742

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) peruntukan yang telah disalurkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah yang terjejas banjir mengikut negeri setakat ini; dan
- (b) status dan garis masa pelaksanaan SOP baharu bagi pengurusan sekolah yang berisiko dilanda banjir mulai tahun ini.

42. PR-1541-L28775

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah kuota haji yang diterima oleh Malaysia bagi musim haji 2025 dan adakah pihak Kerajaan ada mengemukakan tambahan kuota kepada Kerajaan Arab Saudi.

43. PR-1541-L28535

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setelah membuat penilaian terhadap pelaksanaan Geran Sejati MADANI, apakah impak yang telah dicapai oleh geran ini terhadap pertumbuhan ekonomi tempatan. Adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan program geran ini pada masa hadapan dan jika ya, apakah penambahbaikan yang dirancang untuk meningkatkan keberkesanannya.

44. PR-1541-L27887

**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan program khusus yang dilaksanakan Kerajaan susulan laporan lebih 40,000 penjawat awam mengalami isu kesihatan psikologi.

45. PR-1541-L28237

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah pembaharuan yang dirancang untuk memastikan gerakan koperasi kekal relevan dan berdaya saing dalam menghadapi perubahan landskap ekonomi negara dan global, termasuk usaha menilai semula kesesuaian peraturan serta akta yang digunakan masa kini.

46. PR-1541-L27648

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian dan ketetapan Kerajaan mengenai sambutan perayaan agama lain selain Islam di premis Kerajaan yang turut melibatkan orang Islam yang perlu menjaga akidah dan pada masa yang sama memelihara perpaduan pelbagai kaum.

47. PR-1541-L27670

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :

- (a) apakah garis masa yang dijangkakan untuk penubuhan Suruhanjaya Kepercayaan Digital dan Keselamatan Data (SKDKD) dan perbezaan antara SKDKD dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi yang sedia ada; dan
- (b) bagaimana Kementerian memastikan koordinasi untuk mengelak sebarang pertindihan fungsi.

48. PR-1541-L27739

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan jangka pendek, sederhana dan panjang yang telah digariskan oleh pihak NADMA terhadap cadangan pembinaan dewan terbuka pusat pemindahan kekal bencana (PPKB) dalam kawasan sekolah serta pembinaan tapak simulasi bencana bagi pasukan SMART di seluruh negara.

49. PR-1541-L29190

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini berkenaan usaha Kerajaan untuk memisahkan Pejabat Peguam Negara dan untuk menyatakan jangka masa (*timeline*) yang spesifik untuk usaha tersebut dicapai.

50. PR-1541-L27829

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang meminda Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 bagi memelihara kebebasan institusi kehakiman dan mengelakkan ruang campur tangan eksekutif dalam urusan pelantikan hakim.

51. PR-1541-L27872

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina baharu bangunan sekolah KAFA di Kampung Tanjung Aru Menumbok dan Kampung Berangkok Kuala Penyu, Beaufort memandangkan bangunan tersebut adalah bangunan pinjam yang bukan dimiliki oleh sekolah KAFA dan mempunyai struktur bangunan yang tidak selamat dan kondusif.

52. PR-1541-L28029

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- (a) apakah hasil aktiviti R&D MIMOS Berhad yang dianggap *Major Breakthrough* dalam tempoh lima tahun yang lalu; dan
- (b) memandangkan MIMOS memberi fokus kepada R&D dalam *semiconductors* apakah hasil yang berjaya diperoleh dalam usaha untuk memperkasakan teknologi dan industri *semiconductors* negara.

53. PR-1541-L28631

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan strategi dan inisiatif yang dirancang oleh Kementerian untuk memaju dan meningkatkan daya saing sektor usahawan, petani sederhana dan kecil dalam kalangan golongan belia. Apakah program sokongan, bantuan modal, latihan kemahiran yang diambil untuk memastikan golongan ini dapat berkembang secara mampan.

54. PR-1541-L27917

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rancangan terkini Kementerian Pertahanan menggantikan kemudahan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dari jenis "Ampat Tin" di seluruh negara yang sudah daif dan tidak kondusif digunakan oleh anggota tentera.

55. PR-1541-L28594

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan inisiatif pembelajaran digital di sekolah luar bandar, termasuk perincian kemudahan internet berkelajuan tinggi serta program latihan guru dalam pengajaran digital dan cabaran yang dihadapi dalam implementasi tersebut.

56. PR-1541-L28421

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini Pusat Bateri Kenderaan Elektrik Hidrogen yang dilancarkan sejak September 2022 dan sejauh manakah usaha MOSTI bagi memperkasakan pusat inovasi bateri tempatan termasuk penghasilan bateri sel nanoteknologi untuk aplikasi EV di dalam negara.

57. PR-1541-L29106

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci pelan Kerajaan untuk memperkuuh Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] untuk memberikan pelindungan yang lebih menyeluruh kepada pemberi maklumat dalam usaha Kerajaan untuk membanteras korupsi dan penyalahgunaan kuasa di negara kita berikut laporan tentang dakwaan korupsi yang melibatkan pemimpin-pemimpin sesebuah negeri.

58. PR-1541-L27677

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah tawaran haji dan jumlah yang menerima mengikut kategori T20, M40 dan B40 bagi tahun 1446H.

59. PR-1541-L27687

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan menerusi penelitian Jabatan Peguam Negara telah memperhalusi cadangan untuk meminda Perkara 45 Fasal 1 (a) dan (b) Perlembagaan Persekutuan bagi memperuntukkan jumlah tambahan bagi ahli yang dipilih dan dilantik untuk mewakili Sabah dan Sarawak di Dewan Negara.

60. PR-1541-L28956

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana Kepengerusian ASEAN 2025 memberi manfaat kepada rakyat di peringkat akar umbi dan memulihkan ekonomi negara secara langsung.

61. PR-1541-L27756

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berdasarkan Tahun Melawat Malaysia 2026, apakah usaha dan langkah-langkah Kementerian untuk menambah baik dan mengembangkan lapangan terbang serta perkhidmatan penerbangan di Sabah untuk menampung peningkatan bilangan pelancong luar negara ke Sabah.

62. PR-1541-L28092

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur dan proses untuk Kerajaan melaksanakan titah daripada Yang di-Pertuan Agong khususnya membabitkan Lembaga Pengampunan dan apakah langkah yang diambil untuk memastikan tiada titah yang disorok daripada pengetahuan umum.

63. PR-1541-L28142

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar Sijil Pelajaran Malaysia yang gagal hadir menduduki peperiksaan sejak 2020 hingga kini di Sarawak. Mengapa perkara keciciran ini berlaku dan apakah intervensi dan perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

64. PR-1541-L27691

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

(a) jumlah serta nama sekolah pedalaman dan luar bandar di negeri Sabah yang telah disenaraikan untuk Program Ketersambungan Infrastruktur Jalur Lebar Talian Tetap ke Sekolah-sekolah Luar Bandar; dan

(b) bagaimana inisiatif tersebut dapat dilestarikan dengan mengambil kira senario kedaifan infrastruktur sekolah.

65. PR-1541-L29137

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah khusus untuk menggalakkan kumpulan etnik bukan Melayu, terutamanya masyarakat Cina dan India, memohon pekerjaan Kerajaan. Apakah rancangan Kerajaan dalam era kecerdasan buatan (AI) tentang pengambilan kakitangan pada tahun-tahun akan datang dan adakah terdapat peningkatan atau pengurangan dalam jumlah jawatan yang ditawarkan.

66. PR-1541-L28188

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk memastikan AI digunakan secara bertanggungjawab dan tidak meminggirkan tenaga kerja manusia dalam konteks perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI).

67. PR-1541-L27638

**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kesukaran yang dihadapi Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 dalam menghadapi isu dan cabaran serantau terutamanya melibatkan aspek geopolitik dunia yang kompleks selain perpecahan beberapa negara anggota disebabkan kecenderungan ideologi politik yang berbeza.

68. PR-1541-L28155

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pelan hubungan antarabangsa berkaitan bantuan kemanusiaan kepada rakyat Gaza Palestin yang perlu diteruskan khususnya dalam usaha pembinaan semula Gaza yang telah musnah dibom oleh tentera Zionis Israel.

69. PR-1541-L27794

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap Kerajaan baru Syria dan apakah usaha Kerajaan bagi membantu Kerajaan baru Syria membangunkan negara yang telah musnah akibat perang.

70. PR-1541-L28294

**Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana persediaan Kementerian untuk membentangkan objektif yang boleh dicapai, penunjuk prestasi yang boleh dinilai dan langkah-langkah strategik yang boleh diambil daripada penyertaan Malaysia ke dalam pakatan BRICS terutama melibatkan 10 Deklarasi Kazan yang diputuskan di dalam BRICS Summit 2024.

71. PR-1541-L27708

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan susulan peningkatan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Vietnam kepada perkongsian strategik yang komprehensif, apakah kesannya kepada pertikaian di Laut China Selatan terutamanya berhubung bantahan Malaysia terhadap projek pulau buatan Vietnam.

72. PR-1541-L27662

**Dato' Sri Tuan Ibharim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab hanya RM590 juta (59%) daripada RM1 bilion peruntukan Belanjawan 2024 untuk program SejaTI MADANI telah dibelanjakan tahun lalu dan apakah kategori program yang telah dilaksanakan.

73. PR-1541-L28390

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan program latihan kemahiran dan keusahawanan yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu belia di Libaran meningkatkan kebolehpasaran mereka dan menceburi bidang ekonomi moden seperti ekonomi digital.

74. PR-1541-L27922

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini dan perancangan pihak Kementerian dalam memastikan projek menaik taraf bangunan baru di negeri Kelantan yang telah diluluskan di bawah projek Kerajaan Persekutuan termasuk Masjid Mukim Gong Chapa, Pasir Puteh berjalan lancar dan dapat disiapkan mengikut jadual yang sepatutnya.

75. PR-1541-L28712

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan Sarawak berusaha ke arah penyahkarbonan terutamanya di dalam sektor ammonia dan juga membekalkan hidrogen bersih ke negara Jepun sebagai rakan kerjasama. Bagaimana Kementerian melihat pembangunan tenaga boleh diperbaharui ini akan memacu negara ke arah sebuah negara maju berteknologi hijau pada masa yang akan datang.

76. PR-1541-L27888

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan status terkini pelaksanaan insentif tunai World Coin melalui MyEG yang mengutip data seperti iris mata serta langkah-langkah perlindungan data peribadi yang akan diambil kerana bimbang kepada kesan jangka panjang daripada inisiatif ini.

77. PR-1541-L27768

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rasional 6,034 orang guru baru lantikan baharu mengambil masa selama enam tahun untuk layak mendapat pengesahan lantikan tetap di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

78. PR-1541-L28004

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini miskin tegar menerusi data eKasih. Adalah terdapat perbezaan data yang diperoleh daripada PADU dan mengapa.

79. PR-1541-L27910

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) sejauh manakah ketersediaan KPM dalam melaksanakan sistem satu sesi persekolahan di seluruh negara serta keberkesanannya dalam mengurangkan bebanan guru; dan
- (b) bagaimana dengan sekolah yang tidak mampu melaksanakan satu sesi di kawasan luar bandar dan pedalaman akibat kekurangan infrastruktur dan tenaga pengajar.

80. PR-1541-L28924

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengenai pembangunan Malaysian Innovation Index (MII) dan bagaimana ia dapat membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan ekosistem inovasi di setiap negeri serta impaknya terhadap pembangunan inovasi tempatan.

81. PR-1541-L28309

**Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan yang terperinci berkenaan sambutan perayaan agama lain oleh umat Islam bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

82. PR-1541-L28794

**Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan masa depan Kerajaan untuk meningkatkan tahap kesediaan dan pengurusan risiko bencana di kawasan desa, khususnya bagi menghadapi banjir dan tanah runtuh yang sering berlaku.

83. PR-1541-L27907

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terperinci ketidakhadiran calon SPM mengikut negeri dan daerah bagi tempoh 5 tahun terakhir, faktor-faktor yang dikenal pasti, kos pembaziran yang ditanggung dan langkah-langkah intervensi awal yang telah dan akan dilaksanakan.

84. PR-1541-L27979

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam memastikan pelantikan Peguam Negara dilakukan secara telus tanpa campur tangan dan pengaruh politik mana-mana pihak.

85. PR-1541-L28247

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang akan mula diaudit oleh Ketua Audit Negara, jangka masa untuk audit tersebut disiapkan dan apakah tindakan yang akan diambil sekiranya didapati terdapat sebarang ketidakpatuhan pengurusan kewangan.

86. PR-1541-L29172

**Tuan Chong Chieng Jen [ Stampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci terma-terma penyelesaian di antara PETRONAS dengan Kerajaan Negeri Sarawak berkenaan tuntutan hak Sarawak atas minyak dan gas yang dikeluarkan dari Sarawak.

87. PR-1541-L28991

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana kesiapsiagaan Malaysia menjelang kepengerusian ASEAN 2025 dari sudut kerjasama serantau dalam mendepani landskap geopolitik global serta apakah anjakan baharu serta bidang keutamaan mengikut sektor mengambil kira pengalaman Malaysia sebagai Penggerusi ASEAN pada 1977, 1997, 2005 dan 2015.

88. PR-1541-L28967

**Dato' Seri Amirudin bin Shari [ Gombak ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan persediaan Kerajaan bekerjasama dengan negeri Selangor sebagai pengajur bersama untuk majlis utama ASEAN bersempena Tahun Melawat Selangor 2025 dan Kepengerusian ASEAN-Malaysia. Dengan mengambil kira cabaran keadaan geopolitik yang tidak menentu, apakah yang ingin dicapai selaku Penggerusi ASEAN 2025.

89. PR-1541-L28378

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kementerian untuk menyelesaikan isu gaji pekerja SUHAKAM, termasuk meningkatkan peruntukan bagi memastikan kebijakan pekerja terjamin.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelima Belas. ""

2. ( D.R.19/2024 )      Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024.      **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Perdana Menteri ]**

3. ( D.R.62/2024 )      Rang Undang-Undang BERNAMA (Pindaan) 2024.      "

**[ Menteri Komunikasi ]**

4. ( D.R.63/2024 )      Rang Undang-Undang Majlis Media Malaysia 2024.      "

**[ Menteri Komunikasi ]**

5. ( D.R.47/2024 )      Rang Undang-Undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang," ( 10 Disember 2024 )**

**[ Menteri Komunikasi ]**

6. PR-1541-U(27)369

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk merangka dan membentangkan sebuah perancangan jangka masa panjang untuk 30 tahun ke hadapan dalam mencorak masa depan dan hala tuju negara di mana setiap Rancangan Malaysia 10 tahun, lima tahun dan belanjawan negara akan diselaraskan berpandukan perancangan tersebut.

Walaupun terdapat dasar sedia ada, tetapi perancangan ini tidak cukup kukuh untuk merancang secara holistik dan menyelesaikan '*complexity*' kerana tempoh adalah singkat dan sederhana. Kerajaan boleh mencontohi negara serantau dengan menyelaraskan rancangan 5 tahun dengan strategi jangka panjang, di mana setiap pelan dan dasar harus selari dengan visi jangka panjang.

Penjajaran strategik ini akan meningkatkan daya tahan negara dan meletakkan Malaysia sebagai pemain berdaya saing di peringkat global. Setiap RMK seharusnya berfungsi sebagai batu loncatan untuk mencapai wawasan keseluruhan, membolehkan peruntukan sumber yang lebih berkesan dan responsif kepada cabaran yang muncul."

**[ Menteri Ekonomi ]**

7. PR-1541-U(27)370

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pelbagai Kementerian untuk mengkaji mekanisme memastikan kemampuan sistem penjagaan kesihatan dalam negara.

Perkhidmatan kesihatan awam, yang sudah mengalami tekanan seperti peningkatan permintaan, had kewangan dan ketidaksamaan dalam akses kepada penjagaan. Jawatankuasa khas merentas Kementerian berperanan menangani kebimbangan ini dan meneroka mekanisme pembiayaan yang inovatif dan inklusif.

Dengan mengutamakan kemampuan penjagaan kesihatan, kita boleh memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti kekal dapat diakses oleh semua rakyat, tanpa mengira status kewangan mereka, di samping mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan."

**[ Menteri Kesihatan ]**

## 8. PR-1541-U(27)371

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mengorientasikan semula dasar penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memupuk inovasi yang lebih besar dalam syarikat dengan meningkatkan kerjasama dengan universiti.

Dengan mewujudkan hubungan yang lebih kukuh antara penyelidikan akademik dan industri, matlamatnya adalah untuk memacu lebih banyak inovasi yang dikomersialkan yang boleh bersaing di peringkat global.

Pada masa yang sama, Kerajaan perlu meningkatkan fungsi institusi penyelidikan Kerajaan dengan memudahkan pemindahan teknologi global dan membantu syarikat tempatan memanfaatkan teknologi termaju.

Dengan menyediakan akses kepada sumber teknologi sedia ada, Kerajaan membolehkan syarikat memanfaatkan inovasi ini untuk pembangunan produk dan pertumbuhan perniagaan, akhirnya meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia dalam pasaran global."

**[ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ]**

## 9. PR-1541-U(27)372

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih strategi jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menguatkuasakan peraturan yang lebih ketat mengenai penyelenggaraan kenderaan dan keselamatan muatan, meningkatkan pemeriksaan, dan mengenakan penalti yang lebih tinggi bagi pelanggaran peraturan jalan raya.

Statistik menunjukkan 825 kenderaan berat terlibat dalam kemalangan maut dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, menyumbang kepada sebahagian besar daripada 17,905 kemalangan maut.

Latihan tetap untuk pemandu kenderaan berat, ditambah dengan keperluan pelesenan yang dipertingkatkan, akan memastikan amalan keselamatan jalan raya yang lebih baik. Pelaburan dalam infrastruktur dan teknologi jalan raya, seperti sistem keselamatan dalam trak, juga penting untuk meminimumkan risiko. Kempen kesedaran awam dan pengumpulan data yang lebih baik boleh menyasarkan lagi tempoh berisiko tinggi, seperti musim perayaan, untuk mencegah kemalangan dan meningkatkan keselamatan jalan raya secara keseluruhan."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

10. PR-1541-U(27)384

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

11. PR-1541-U(27)385

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga.

Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak Kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan target ‘Dera Sifar’ menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkuuh dan direalisasikan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

12. PR-1541-U(27)386

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*). Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

13. PR-1541-U(27)387

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka. Memohon pihak kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

14. PR-1541-U(27)388

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan.

Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1541-U(27)389

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Ekonomi ]**

16. PR-1541-U(27)390

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

17. PR-1541-U(27)391

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Komunikasi ]**

18. PR-1541-U(27)392

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan

kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

### [ Menteri Dalam Negeri ]

19. PR-1541-U(27)393

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakannya tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekaligus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

### [ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ]

20. PR-1541-U(27)394

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan kerajaan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

21. PR-1541-U(27)395

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Kewangan ]**

22. PR-1541-U(27)396

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1541-U(27)397

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan sepenuh perhatian kepada Beting Patinggi Ali, yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals, terletak di perairan Sarawak dan merupakan sebahagian daripada Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Isu pencerobohan oleh kapal dan pesawat asing, terutamanya dari China telah menjadi persoalan rakyat memandangkan ia berkaitan dengan kedaulatan negara dan kepentingan awam. Sejak tahun 2013, Malaysia telah melaporkan pencerobohan berulang oleh kapal Pengawal Pantai China (CCG) di kawasan ini. Tuntutan China terhadap Beting Patinggi Ali dianggap tidak berasas kerana lokasi geografi kawasan tersebut yang lebih dekat dengan pantai Malaysia (84 nautica miles dari Miri) berbanding dengan tanah besar China (sekitar 1000 nautica miles).

Walaupun Malaysia menganggap Beting Patinggi Ali sebagai miliknya, Kerajaan masih berpendirian terdapat tuntutan bertindih dengan China. China menuntut sebagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan garis sembilan dash yang mereka tetapkan, yang telah ditolak oleh Mahkamah Permaianan Tetap (PCA) pada tahun 2016. Keputusan PCA ini memberikan Malaysia posisi yang lebih kuat untuk menegaskan haknya di kawasan tersebut.

Untuk memastikan kedaulatan ke atas Beting Patinggi Ali, Malaysia perlu meningkatkan lagi kehadiran aset ketenteraan di kawasan tersebut bagi mengukuhkan tuntutan negara terhadap pulau tersebut dan mempergiatkan keberadaan Malaysia di pulau berkenaan. Mohon kerajaan untuk lebih tegas dalam pendiriannya di mana isu Beting Patinggi Ali adalah hak mutlak Malaysia seperti mana termaktub dalam Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hukum Laut (UNCLOS) dan bukannya tuntutan bertindih dengan mana-mana negara asing. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Pertahanan ]**

24. PR-1541-U(27)398

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan hak royalti kepada negeri Kelantan yang tidak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sering kali menjadi perdebatan hangat, terutamanya berkaitan dengan alasan "lebih 3 batu nautika". Kelantan, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak di Malaysia, telah lama menuntut hak royalti minyak yang sepatutnya diterima. Namun, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa Kelantan tidak layak menerima royalti tersebut kerana kedudukan telaga minyak yang terletak lebih dari tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan perlu menyemak atau meminda kembali istilah "tiga batu nautika" yang tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian asal dengan Petronas. Berpendapat bahawa Akta 144 tidak menetapkan jarak tertentu untuk hak milik telaga minyak. Tambahan lagi, Telaga minyak yang dimiliki Kelantan terletak kira-kira 80 batu nautika dari pesisir pantai, dan terdapat dakwaan bahawa telaga-telaga ini berada dalam kawasan yang dipertikaikan antara Kelantan dan Terengganu. Ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan keseragaman dalam pembayaran royalti, terutama apabila negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima royalti walaupun mereka juga terletak jauh dari pantai.

Dicadangkan penubuhan jawatankuasa bebas yang terdiri daripada wakil Kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan pakar undang-undang untuk meneliti semula perjanjian royalti dan isu-isu berkaitan. Ini dapat memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses perbincangan yang adil dan terbuka serta mencari penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1541-U(27)399

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan pembinaan jalan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya di kawasan Sabah dan Kalimantan ini adalah penting untuk pelbagai aspek yang melibatkan ekonomi, keselamatan, dan pembangunan infrastruktur yang akan memulangkan hasil lumayan kepada Malaysia. Didapati bahawa jalan sempadan Malaysia – Indonesia ini akan meningkatkan kebolehcapaian antara kedua-dua negara, memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan. Ini akan merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sempadan seperti Kalabakan dan Serudong, serta meningkatkan peluang perniagaan bagi penduduk tempatan.

Diingatkan, dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur (Nusantara), terdapat potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan. Pembinaan jalan akan membolehkan Sabah memanfaatkan perkembangan ini dengan lebih baik, termasuk dalam sektor pelancongan dan perdagangan rentas sempadan. Jalan sempadan ini dapat menghubungkan kampung-kampung pedalaman dengan bandar-bandar utama, memudahkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan terpencil.

Pembinaan jalan sempadan Malaysia – Indonesia juga berpotensi memperkuatkan hubungan sosial dan budaya antara masyarakat di kedua-dua negara. Ini termasuk pertukaran budaya melalui pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi yang dapat dijalankan lebih mudah dengan adanya infrastruktur yang baik. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

#### [ Perdana Menteri ]

26. PR-1541-U(27)376

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera memperbaharui dasar insentif kenderaan diesel komersial menerusi penetapan piawaian Euro 5 sebagai keperluan minimum menjelang tahun 2026 bagi menggalakkan peralihan yang lebih pantas terhadap penggunaan teknologi rendah emisi dan secara tidak langsung menyumbang sebagai penyelesaian jangka panjang dalam menjaga kualiti udara negara.

Pada ketika ini, negara-negara jiran telah mula mengorak langkah lebih ke hadapan seperti Singapura yang telah lama beralih kepada penggunaan Euro 6 dan Thailand yang menerapkan Euro 5 sebagai piawaian minimum sedangkan Malaysia hanya melaksanakan piawaian Euro 4 mulai Januari 2025 dengan pemberian insentif 50 peratus kepada semua kenderaan yang memenuhi piawaian tersebut.

Ketinggalan ini ternyata menjaskan daya saing Malaysia di peringkat serantau di samping meningkatkan risiko kesihatan sejagat akibat pelepasan nitrogen oksida dan zarah halus.

Kerajaan wajar mempercepatkan peralihan ini bagi memastikan pengurangan pelepasan bahan pencemar selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Bahan Api Petrol dan Diesel) 2007. Penguatkuasaan yang ketat dan sokongan infrastruktur yang lebih baik menerusi kerjasama rapat Kerajaan bersama pemain industri perlu disinergikan untuk memastikan peralihan ini kelak berjalan lancar."

#### [ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]

27. PR-1541-U(27)377

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera mengkaji semula kadar pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan yang kini masih berjumlah RM9,000 dan tidak pernah disemak sejak tahun 2010.

Setelah 15 tahun berlalu, inflasi telah meningkat dengan ketara dan amaun tersebut tidak lagi realistik jika dibandingkan kos sara hidup pada hari ini. Atas pertimbangan tersebut, Kerajaan wajar menaikkan amaun pelepasan diri dan tanggungan ke RM12,000 yang bersamaan dengan RM1,000 setiap bulan, bagi menggambarkan senario serta realiti sebenar kehidupan rakyat Malaysia pada hari ini.

Malah dengan peningkatan amaun pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan ini secara tidak langsung akan membantu golongan B40 dan M40 yang amat terkesan dengan inflasi dan seterusnya mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat."

**[ Menteri Kewangan ]**

28. PR-1541-U(27)378

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memartabatkan pengamalan Rukun Negara dalam menjadi tonggak identiti, perpaduan dan keutuhan rakyat Malaysia.

Mutakhir ini, negara disajikan dengan berita dan laporan mengenai kes- kes penyebaran ucapan kebencian, penghinaan dan provokasi yang berbaur perkauman, ketegangan kaum, penipuan dan penegasan unsur- unsur subversif yang berpotensi mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di Malaysia menerusi pengguna di platform media sosial.

Media sosial hari ini juga kian dipenuhi dengan lambakan sikap ketidaksopanan dan kebiadaban dalam perbincangan sehingga menjadi seperti satu kelaziman untuk para pengguna media sosial menggunakan bahasa kasar, lucah malah menyerang peribadi antara satu sama lain sehingga mengabaikan nilai kesopanan.

Hal ini mencerminkan kelemahan penghayatan nilai serta elemen Rukun Negara itu sendiri dalam kalangan rakyat Malaysia dan justeru itu, menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mewujudkan sebuah mekanisme yang lebih berkesan dalam menyuburkan pembudayaan setiap prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara sebagai penawar bagi menangani gejala kebejatan akhlak sebegini di platform media sosial. "

**[ Menteri Perpaduan Negara ]**

29. PR-1541-U(27)379

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula cukai korporat Malaysia yang sehingga kini adalah antara yang tertinggi di Asia Tenggara iaitu sebanyak 24 peratus berbanding negara-negara jiran lain seperti, Singapura (17 peratus), Brunei (18.5 peratus), Cambodia (20 peratus), Vietnam (20 peratus), Thailand (20 peratus), dan Indonesia sekitar 21 peratus.

Perbandingan ini semakin jelas jika dilihat dengan situasi kadar cukai Amerika Syarikat (AS). Pada tahun 2016, cukai korporat mereka adalah sekitar 35 peratus, namun kini cukai korporat mereka telah turun sehingga 21 peratus manakala Malaysia kekal pada kadar sama iaitu 24 peratus sehingga sekarang.

Kadar cukai korporat yang tinggi ini ternyata melemahkan daya saing Malaysia untuk bersaing dengan negara-negara jiran bagi menarik tumpuan pelabur untuk melabur di sini.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu merangka satu kajian yang lebih komprehensif bagi menurunkan kadar cukai korporat ini agar setanding dengan kadar serantau untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif serta berdaya maju dalam meraih tumpuan pelabur antarabangsa yang akhirnya akan menguntungkan negara, peniaga dan rakyat jelata. "

**[ Menteri Kewangan ]**

30. PR-1541-U(27)380

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memastikan kenaikan caj perubatan di hospital dan klinik swasta yang semakin mendapat perhatian di kebanyakan negara termasuk di Malaysia segera ditangani dengan baik oleh Kerajaan memandangkan implikasinya yang besar kepada para pesakit serta sistem kesihatan negara secara keseluruhannya.

Pelbagai faktor mendorong kepada isu ini dengan antaranya ialah kadar caj konsultasi doktor (GP) swasta yang dikawal oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (PHFSA) 1998 tidak pernah mengalami sebarang perubahan selama lebih 32 tahun dan menyebabkan pihak terbabit terpaksa menaikkan caj kos operasi yang semakin meningkat, termasuk sewa premis, kos utiliti, peralatan perubatan serta perbelanjaan berkaitan teknologi dan sumber manusia telah meletakkan tekanan besar ke atas klinik swasta.

Situasi tersebut juga diburukkan lagi oleh isu berkaitan Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) yang menguruskan pembayaran bagi pesakit yang mempunyai insurans kesihatan yang turut mengalami kenaikan.

Oleh yang demikian, Kerajaan digesa untuk meminda Akta Perkhidmatan Hospital Swasta bagi menetapkan kadar maksimum bagi caj rawatan selain konsultasi doktor, seperti caj penginapan dan penggunaan alat perubatan selain memperkenalkan sistem tiering seperti penarafan hotel bagi membezakan hospital berdasarkan tahap perkhidmatan, membolehkan syarikat insurans menawarkan pelbagai pakej berdasarkan akses kepada hospital tertentu, sesuai dengan kemampuan pelanggan serta mempergiat inisiatif di bawah kerjasama awam dan swasta bagi menyediakan rawatan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah. "

#### **[ Menteri Kesihatan ]**

31. PR-1541-U(27)381

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan semula keputusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menjual hampir 10 peratus kepentingan saham ketika harga rendah selepas Disember 2022, sedangkan KWSP telah lama merancang untuk menambah lebih banyak saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) untuk menswastakannya.

Pada 29 November 2022, KWSP telah memiliki 259,917,492 saham iaitu sekitar 15.67 peratus di dalam MAHB dan dalam tempoh satu tahun, KWSP telah menjual 163,363,080 saham, atau hampir 10 peratus kepentingan pada harga sekitar RM6.74 hingga RM7.70 sesaham. Manakala pada 28 Disember 2023 pula, akhirnya KWSP hanya memiliki 96,554,412 saham atau 5.79 peratus sahaja.

Penjualan sebegini besar dalam tempoh singkat tidak pernah berlaku sebelum ini dan ini menimbulkan persoalan mengapa saham tersebut dijual pada harga rendah tetapi dibeli semula pada harga RM11.00 dengan implikasinya ialah KWSP akan terpaksa membayar tambahan sebanyak RM539 juta sehingga RM696 juta bagi membeli balik saham tersebut.

Justeru itu, Kerajaan digesa untuk mempertimbang dan mengkaji semula keputusan ini dengan lebih berhati-hati memandangkan perkara ini telah menimbulkan keresahan awam kerana membabitkan dana 16.1 juta rakyat Malaysia yang merupakan pencarum KWSP. "

#### **[ Menteri Kewangan ]**

32. PR-1541-U(27)382

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan Value Added Tax (VAT) pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 170 negara.

Kerajaan boleh menstrukturkan semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barang dan perkhidmatan dengan sesetengah barang boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif."

**[ Menteri Kewangan ]**

33. PR-1541-U(27)383

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menimbalkan pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai jualan tahunan di bawah RM500,000 berbanding ketetapan semasa Kerajaan iaitu pengecualian untuk peniaga yang mencatatkan jualan tahunan bawah RM150,000 menjelang pelaksanaan menyeluruh e-Invois bermula 1 Julai 2025.

Pelaksanaan e-Invois ini ternyata telah mewujudkan keimbangan dalam kalangan para pemain PMKS yang terpaksa menghadapikekangan kos berikutan perbelanjaan yang tinggi bagi menyediakan sistem pengeluaran serta penyelenggaraan e-Invois di samping risiko margin keuntungan yang rendah.

Peningkatan siling pengecualian e-Invois kepada RM500,000 adalah lebih relevan seperti mana yang pernah dilakukan oleh Kerajaan ketika melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebelum ini dan sekaligus mengurangkan beban lebih banyak segmen pemain PMKS seperti pengusaha yang berniaga dari rumah, ibu tunggal dan peniaga luar bandar yang terpaksa menanggung bebanan implikasi kos yang tinggi.

Oleh yang demikian, Kerajaan disaran untuk mempertimbangkan syor peningkatan pengecualian kepada RM500,000 ini bagi mengurangkan keresahan pemain PMKS dengan pelaksanaan e-Invois yang sebenarnya boleh dielakkan sekiranya Kerajaan memperkenalkan semula GST. "

#### [ Menteri Kewangan ]

34. PR-1541-U(27)373

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan kajian secara holistik dan komprehensif bagi menghasilkan benih padi yang berkualiti serta mampu bertahan dalam keadaan perubahan cuaca ekstrem di Malaysia.

Kebelakangan ini perubahan iklim yang ketara telah menjelaskan hasil pengeluaran padi tempatan sebanyak 83,408 tan metrik bersamaan 5.84 juta 10 kilogram pek beras disebabkan oleh musim tengkujuh dan banjir. Penjadualan penanaman padi amat terdedah dengan bencana banjir di musim tengkujuh pada hujung tahun manakala musim penanaman semula padi pada awal tahun pula berisiko diancam keadaan cuaca panas melampau yang perlu diatasi dengan kadar segera.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dan efisien dalam menangani isu ini yang bukan sahaja bagi mempercepatkan pengagihan benih padi kepada pesawah supaya jadual penanaman padi tidak terganggu, malah pihak Kerajaan juga perlu membuat kajian yang teliti bagi menghasilkan benih padi yang lebih berdaya tahan dengan perubahan iklim di Malaysia."

#### [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

35. PR-1541-U(27)375

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian semula terhadap kajian bagi persediaan serta perancangan pelan pembangunan pendidikan jangka panjang bagi negara.

Mutakhir ini, kita telah dikhaskan pelbagai peristiwa yang menimbulkan kegusaran masyarakat terhadap ketandusan pembangunan modal insan negara ini terutamanya terhadap generasi baharu yang merupakan generasi yang bakal memimpin dan mentadbir negara tercinta satu hari nanti.

Situasi ini diburukkan lagi dengan statistik kegagalan para pelajar untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hampir setiap tahun mencapai angka yang membimbangkan sehingga mencetuskan kebimbangan. Sejauh mana keseriusan generasi muda ini menilai kepentingan mendapatkan pendidikan untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Dalam keadaan negara serantau yang kian pesat membangun, kesediaan dalam melahirkan modal insan menjadi sangat kritikal terutamanya bagi melahirkan generasi yang mampu berdaya saing dan mendepani cabaran serta persaingan dengan negara-negara serantau.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan berstrategi menerusi pembangunan semula pelan pembangunan pendidikan yang lebih efisien bagi memastikan negara kita mampu untuk melahirkan pakej modal insan yang lengkap dan mampu berdaya saing."

### [ Menteri Pendidikan ]

36. PR-1541-U(27)374

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan demi kepentingan kesejahteraan rakyat serta kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Situasi semasa menunjukkan KKM sangat terbeban dengan belanja mengurus yang sangat tinggi iaitu sehingga 85.07% atau RM38 bilion daripada bajet keseluruhan KKM dan hanya 14.9% yang diperuntukkan untuk bajet pembangunan maka keadaan ini sangat tidak sihat untuk kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Kelemahan, ketidakmampuan dan kegagalan KKM terlihat jelas dengan segala masalah-masalah yang sentiasa menjadi rungutan rakyat dan juga sering diangkat oleh ramai Ahli-ahli Parlimen - seperti kekurangan jururawat, kekurangan doktor dan doktor pakar serta masalah doktor kontrak, Kekurangan ambulans, ketiadaan ubat, alat-alat perubatan terlalu lama, klinik-klinik daif, hospital yang berumur lebih 50 tahun, hospital yang sesak, tiada sistem komputer, pesakit terpaksa menunggu terlalu lama.

Ketahuilah permasalahan dan segala kelemahan KKM ini sebenarnya adalah manifestasi darikekangan fiskal KKM itu sendiri. Keupayaan KKM dengan 14.9% bajet untuk Pembangunan adalah sangat-sangat terbatas dan ini boleh menyebabkan kualiti dan mutu perkhidmatan KKM terjejas dan terus dipersoalkan rakyat.

Dengan situasi begini adalah diharapkan penyelesaian segera dan menyeluruh dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bagi melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan."

**[ Menteri Kesihatan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 173	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) Bagi Tahun 2023	4 Februari 2025
ST. 247	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Penerbangan Awam Malaysia (MAVCOM) Bagi Tahun 2023	4 Februari 2025
<b><u>TAHUN 2025</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 2	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Totalisator Malaysia Bagi Tahun 2023	4 Februari 2025
ST. 7	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Bagi Tahun 2022	4 Februari 2025

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid (Bukit Bendera)	1. Jalur Gemilang: Lambang Maruah Negara yang Wajib dipertahankan 2. Isu Kemudahan dan Keadaan Bangunan di Premis Pendidikan dalam Parlimen Bukit Bendera	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri 2. YB Menteri Pendidikan
YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)	1. Semakan Modul Pensijilan Sijil Tinggi Agama (STAM) 2. Peningkatan Kuantiti Hasil Tangkapan Marin, Kuala Kedah	1. YB Menteri Pendidikan 2. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkенаan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**